

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 1APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7598**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan rakyat negara ini yang didakwa dan ditahan atas tuduhan memberikan sokongan kepada Kumpulan Pengganas Negara Islam (IS) dan bilangan individu yang telah ditangkap kerana disyaki merancang untuk menyertai kumpulan militan IS di Syria dan Iraq.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius berhubung tindakan sebilangan rakyat Malaysia yang memberi sokongan dan menyertai Kumpulan Pengganas Negara Islam (*Islamic State*). Tindakan mereka bukan sahaja membahayakan keselamatan diri sendiri bahkan boleh mengancam keselamatan negara kerana individu-individu tersebut telah dilatih mengendalikan senjata dan berada di zon konflik.**

**Berdasarkan rekod daripada pihak polis, sehingga 27 Februari 2015 seramai 55 orang rakyat Malaysia yang mempunyai elemen-elemen penglibatandengan kegiatan kumpulan militan IS telah ditahandi bawah undang-undang sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959. Dari jumlah tersebut, seramai 24 orang telah dihadapkan ke Mahkamah di bawah SOSMA dan 6 orang telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah POCA. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci maklumat tersebut kerana perkara ini masih di dalam siasatan pihak polis dan dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan.**

**SOALAN ( 42 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 1 APRIL 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mengapa terdapat lambakan warga asing yang memonopoli perniagaan di negara ini serta apakah tindakan Kerajaan berdepan dengan masalah perniaga tempatan yang mengabaikan lesen perniagaan lesen mereka kepada warga asing.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang berat isu warga asing bermiaga di Malaysia, khususnya yang melibatkan penjaja dan peniaga kecil. Dalam soal ini, Pekeliling KSU-KP KT Bil.3/2008 pada 30 Jun 2008 mengenai Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyatakan bahawa permit perniagaan kecil hendaklah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat bermiaga sepanjang masa.

**Tindakan membatalkan permit tersebut wajar diambil ke atas warganegara Malaysia yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut.**

KP KT juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 11 Februari 2014 agar tapak penjaja tidak disewa/dijual kepada warga negara asing.